

10 NOV 1999

Mahathir-Menghadap

DR MAHATHIR MENGHADAP AGONG DI TENGAH-TENGAH SPEKULASI PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara di sini.

Dr Mahathir tiba di Istana pukul 9 pagi untuk majlis penghadapan selama setengah jam itu, menurut seorang pegawai Istana.

Jurufoto media yang berada di pinta pagar Istana kemudian melihat Dr Mahathir dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meninggalkan kawasan Istana bersama-sama dalam sebuah limousin.

Pegawai itu berkata Abdullah telah tiba terdahulu, pukul 8.30 pagi, untuk menghadap Yang di-Pertuan Agong menjelang mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

Selepas menghadap Seri Paduka, Dr Mahathir dan Abdullah menuju ke Putrajaya untuk menghadiri mesyuarat Kabinet.

Perdana Menteri juga dijadualkan mengadakan pertemuan dengan para Menteri Besar dan Ketua Menteri di Putrajaya pukul 12.30 tengah hari ini.

Spekulasi bahawa pilihan raya akan diadakan pada bila-bila masa bertiup kencang lewat semalam selepas pengumuman bahawa Dr Mahathir membatalkan jadual lawatan ke Afrika Selatan untuk menghadiri Mesyuarat Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Adalah suatu amalan bagi Perdana Menteri menghadap Yang di-Pertuan Agong sebelum membuat pengumuman mengenai pembubaran Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan.

-- BERNAMA

GM RYN NMO